

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JKE 418/JKE 419 – Kewangan Antarabangsa

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A.

Pilih **TIGA** soalan sahaja di Bahagian B.

Jawapan hendaklah ditulis di ruangan kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Baca arahan setiap soalan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (55 markah)

Jawab **SEMUA** soalan di ruangan yang disediakan.

1. (a) Mengapakah butiran dalam akaun modal dan akaun kewangan imbangan pembayaran tidak dimasukkan dalam pengiraan pendapatan negara?
(2 markah)

- (b) Berikan dua contoh komponen bagi setiap satu akaun berikut:

- i. pendapatan primer
- ii. pendapatan sekunder

(4 markah)

- (c) Berikan empat punca keluar masuk wang sesebuah negara.

(4 markah)

2. *Yahoo Finance* bertarikh 15 Februari 2016 melaporkan bahawa Jepun melaksanakan dasar kadar bunga negatif untuk memaksa kadar pertukaran jatuh.

(a) Apa maksud kadar bunga negatif (*negative interest rate*)?

(2 markah)

(b) Pelaburan portfolio memasuki sesebuah negara untuk mengaut keuntungan daripada perbezaan kadar bunga. Apakah kesan kepada pelaburan portfolio asing yang masuk tersebut jika kadar bunga adalah negatif?

(2 markah)

(c) Antara hujah pelaksanaan dasar kadar bunga negatif ialah untuk mengenakan penalti (*penalise*) kepada penabung-penabung yang menyimpan dana dalam bank. Terangkan bagaimana penalti tersebut beroperasi?

(2 markah)

(d) Bagaimanakah kadar bunga negatif tersebut boleh menjadikan kadar pertukaran Yen dan mata wang asing jatuh? (jangan lupa permintaan dan penawaran-rajah tidak diperlukan).

(4 markah)

3. Lampiran 1 (muka surat 10) merujuk kepada Imbangan Pembayaran Malaysia untuk suku pertama, kedua, ketiga dan keempat bagi tahun 2013-2015 dan kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding beberapa mata wang utama untuk tempoh yang sama.

- (a) Apakah maksud aset dan liabiliti di bawah akaun kewangan?
(2 markah)
- (b) Perdagangan nampak merujuk kepada _____.
(1 markah)
- (c) Perdagangan tak nampak merujuk kepada _____.
(1 markah)
- (d) Apakah yang membezakan antara akaun modal dengan akaun kewangan?
(2 markah)
- (e) "Imbangan pembayaran sentiasa seimbang". Dalam keadaan apakah pernyataan tersebut benar?
(2 markah)
- (f) Jika imbangan keseluruhan berada dalam keadaan
(i) lebihan, maka rizab bank pusat akan _____
(ii) defisit, maka rizab bank pusat akan _____
(2 markah)
- (g) Berikan DUA peranan rizab bank pusat.
(2 markah)

4. Peningkatan aliran keluar wang sesebuah negara akan menyebabkan kadar pertukaran meningkat.

- (a) Terangkan DUA keadaan (atau DUA punca) yang boleh menyebabkan peningkatan aliran keluar tersebut.

(4 markah)

- (b) Terangkan langkah yang boleh diambil oleh bank pusat bagi mengawal kejatuhan nilai mata wang tempatan kesan daripada aliran keluar tersebut.
(rajah diperlukan – 2 markah untuk rajah)

(6 markah)

5. Seorang pengurus pelaburan mempunyai dana sebanyak RM1 juta untuk dilaburkan sama ada dalam negeri atau luar negara. Berpandukan maklumat di bawah, jawab soalan-soalan berikut.

Kadar bunga dalam negeri (i): 3.5% setahun

Kadar bunga luar negara (i^*): 3.65% setahun

Kadar semerta (E) antara RM dan mata wang negara luar ialah: 2.65

Kadar ke depan (F) antara RM dan mata wang negara luar ialah: 2.85

Maklumat tambahan berikut berguna untuk anda: $\frac{1+i^*}{E}, \left[\frac{(1+i^*)}{E} \right] F$

- (a) Hitung pulangan yang akan diperoleh selepas setahun jika ia melabur dalam negeri.

(2 markah)

- (b) Jika ia membuat keputusan untuk melabur di luar negara, hitung jumlah dana yang dimiliki dalam unit mata wang asing.

(2 markah)

- (c) Hitung jangkaan pulangan yang akan diperoleh jika ia melabur di luar negara.

(3 markah)

- (d) Pelabur tersebut membuat keputusan untuk melabur di luar negara dan setelah cukup tempoh setahun ia membawa pulang keuntungan pelaburan tersebut. Hitung pendapatan pelaburan yang akan beliau bawa pulang.
(3 markah)
- (e) Pelaburan manakah yang lebih menguntungkan? Mengapa?
(3 markah)

BAHAGIAN B (45 markah)

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Tulis jawapan pada kertas bergaris bersama buku soalan.

6. Lampiran 1 (muka surat 10) merujuk kepada Imbangan Pembayaran Malaysia untuk suku pertama, kedua, ketiga dan keempat bagi tahun 2013-2015 dan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dengan beberapa mata wang utama pada penghujung Mac, Jun, September dan Disember bagi tahun 2013-2015.

Berpandukan maklumat tersebut, terangkan hubungan turun-naik kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dan beberapa mata wang utama yang diberikan dengan,

- (a) import-eksport
- (b) akaun semasa
- (c) akaun kewangan

(Huraian anda tidak hanya tertumpu kepada pola aliran **tetapi perlu juga diberikan justifikasi berdasarkan pengetahuan semasa yang ada**).

(15 markah)

7. Bincangkan TIGA bentuk dedahan pertukaran asing.

(15 markah)

8. (a) Bincangkan perbezaan pelaburan jangka pendek dan pelaburan jangka panjang.

(4 markah)

- (b) Apresiasi satu mata wang bermakna depresiasi mata wang yang lain. Menggunakan contoh, bincangkan penyataan di atas.

(5 markah)

- (c) Bincangkan hubungan antara pasaran pertukaran asing dan imbangan pembayaran sesebuah negara.

(6 markah)

9. Bincangkan

- (a) peranan kadar bunga dalam mempengaruhi kadar pertukaran asing.
(8 markah)
- (b) hubungan kadar bunga, kadar inflasi dan kadar pertukaran asing.
(7 markah)

10. Terangkan

- (a) hubungan teori satu harga dan pariti kuasa beli.
(5 markah)
- (b) harga relatif dan peranannya dalam mempengaruhi turun-naik kadar pertukaran asing.
(10 markah)

LAMPIRAN 1 – Imbangan Pembayaran dan Kadar Pertukaran, 2013-2015

Ketika		Akaun Semasa / Current Account													
		Jumlah	Barangan dan Perkhidmatan / Goods and Services						Pendapatan Primer/ Primary Income			Pendapatan Sekunder/ Secondary Income			
			Jumlah	Barangan / Goods			Perkhidmatan / Services			Bersih	Kredit	Debit	Bersih	Kredit	Debit
		Total	Total	Bersih	Kredit	Debit	Bersih	Kredit	Debit	Bersih	Kredit	Debit	Bersih	Kredit	Debit
2013	1Q	12,423	24,604	25,351	151,497	126,146	-748	32,088	32,835	-7,970	9,918	17,888	-4,210	1,619	5,829
	2Q	978	13,656	17,063	152,555	135,492	-3,408	31,728	35,136	-8,146	10,933	19,079	-4,531	1,933	6,464
	3Q	8,499	20,943	23,915	163,325	139,410	-2,972	33,079	36,052	-8,048	12,482	20,530	-4,396	1,907	6,302
	4Q	13,585	27,757	30,222	170,306	140,084	-2,465	35,790	38,255	-9,811	14,323	24,133	-4,362	2,138	6,500
2014	1Q	19,518	30,680	31,194	166,726	135,531	-515	35,069	35,584	-6,579	14,510	21,089	-4,583	2,045	6,628
	2Q	14,986	25,738	27,295	172,530	145,236	-1,556	34,285	35,841	-7,961	14,762	22,723	-2,792	3,892	6,684
	3Q	7,148	21,970	25,540	167,697	142,157	-3,570	33,563	37,133	-9,610	13,473	23,083	-5,213	2,054	7,266
	4Q	5,666	23,837	29,384	172,960	143,575	-5,547	34,346	39,892	-13,173	9,564	22,738	-4,998	2,318	7,316
2015	1Q	9,968	23,785	27,547	163,098	135,552	-3,762	33,264	37,026	-8,539	11,424	19,963	-5,278	2,363	7,641
	2Q	7,582	18,729	23,315	163,196	139,881	-4,586	32,850	37,436	-5,099	15,111	20,211	-6,047	2,648	8,695
	3Q	5,061	21,265	27,147	174,873	147,726	-5,883	34,144	40,027	-10,346	8,983	19,329	-5,858	3,180	9,038

Ketika		Akaun Kewangan / Financial Account										Kesilapan dan Ketinggalan Bersih	Imbangan Keseluruhan		
		Jumlah	Pelaburan Langsung / Direct Investment			Pelaburan Portfolio / Portfolio Investment			Derivatif Kewangan	Pelaburan Lain / Other Investment					
			Bersih	Kredit	Debit	Total	Bersih	Aset	Liabiliti	Bersih	Bersih				
2013	1Q	2	5	3	1,200	-2,757	-11,581	8,824	3,921	-5,252	9,174	211	-174	-9,583	4,043
	2Q	-3	0	3	4,397	-8,425	-15,683	7,258	3,277	-11,407	14,685	-1,421	10,965	-3,854	1,518
	3Q	5	12	6	-15,685	1,069	-8,164	9,233	-9,412	-10,021	609	564	-7,906	18,944	11,763
	4Q	-20	0	20	-10,128	3,838	-6,500	10,338	-798	-5,407	4,609	393	-13,560	-6,112	-2,675
2014	1Q	-2	2	4	-38,235	-14,434	-20,578	6,144	-14,216	-7,566	-6,650	-1,487	-8,098	1,425	-17,294
	2Q	-1	8	9	-10,956	-3,826	-16,509	12,683	7,167	-10,400	17,566	229	-14,525	-5,003	-974
	3Q	-2	5	7	-5,849	2,261	-6,061	8,321	-11,161	-10,416	-746	49	3,003	-8,007	-6,710
	4Q	276	297	21	-26,558	-2,480	-9,948	7,468	-20,326	270	-20,596	234	-3,985	9,085	-11,530
2015	1Q	-2	7	9	-29,664	-1,235	-9,807	8,572	-7,878	-7,375	-502	3	-20,554	4,002	-15,696
	2Q	-1,104	4	1,108	2,273	-3,941	-17,812	13,871	-11,759	-8,060	-3,698	-449	18,422	-302	8,450
	3Q	-30	2	32	-31,178	-297	-7,029	6,732	-24,406	642	-25,048	-111	-6,363	43,144	16,997

Kadar pertukaran

Tarikh	USD	GBP	EUR	JPY100	CHF	AUD	CAD	SGD	HKD100	
1Q	29-03-13	3.0885	4.6971	3.9618	3.2811	3.255	3.2174	3.0397	2.4911	39.7828
2Q	28-06-13	3.1785	4.8537	4.1535	3.216	3.3685	2.9414	3.0334	2.513	40.9733
3Q	30-09-13	3.2575	5.2666	4.3988	3.3255	3.6	3.0332	3.1617	2.5912	42.0098
4Q	31-12-13	3.2815	5.4076	4.5263	3.1281	3.695	2.9299	3.0808	2.5943	42.3179
1Q	31-03-14	3.2685	5.4354	4.4934	3.177	3.683	3.0173	2.9547	2.5927	42.1321
2Q	30-06-14	3.2105	5.4672	4.3806	3.169	3.6033	3.0235	3.0076	2.5703	41.421
3Q	30-09-14	3.2715	5.3193	4.1527	2.9922	3.4406	2.8632	2.9347	2.5702	42.1449
4Q	31-12-14	3.495	5.4396	4.2513	2.9255	3.5353	2.8664	3.0119	2.6449	45.0575
1Q	31-03-15	3.7165	5.4935	4.0153	3.0903	3.8358	2.8329	2.9264	2.6997	47.9267
2Q	30-06-15	3.7855	5.9527	4.2364	3.0946	4.0709	2.9059	3.0515	2.8096	48.8319
3Q	30-09-15	4.4455	6.7412	5.0052	3.7084	4.5773	3.1176	3.3143	3.1191	57.3609
4Q	31-12-15	4.292	6.3607	4.6918	3.5645	4.3419	3.1338	3.094	3.0356	55.3735

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 11 -

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 12 -

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 13 -

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 14 -

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 15 -

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 16 -

Angka Giliran : _____

[JKE 418/JKE 419]

- 17 -